

Kecemerlangan USIM perlu komitmen semua pihak

SEREMBAN 8 April - Kecemerlangan sesebuah universiti memerlukan kerjasama dan komitmen yang tinggi oleh setiap warganya, meliputi pengurusan tertinggi, ahli akademik, pentadbir, kumpulan sokongan dan pelajar.

Pendaftar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Muhammad Haizuan Rozali berkata, kesemua lapisan dalam universiti ini memainkan peranan penting dalam pelaksanaan dasar secara berkesan dan holistik.

Katanya, kumpulan ini turut menjadi sebahagian daripada kelompok rujukan oleh pihak pengurusan universiti dalam penggubalan dasar.

Pada masa yang sama semua pegawai perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan agar profesionalisme perkhidmatan dan imej universiti sentiasa ditonjolkan secara positif dalam pelakuan dan amalan seharian.

"Ini kerana, kepakaran yang dimiliki oleh setiap pegawai universiti dalam bidang pentadbiran dan pengurusan boleh dikongsikan dengan pihak luar untuk kebaikan bersama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika



KAKITANGAN USIM bergambar bersama-sama pada majlis Makan Malam Persatuan Pegawai Tadbir dan Iktisas (Pragmatis) di Nilai Springs Resort dan Hotel Negeri Sembilan, baru-baru ini.

berucap dalam majlis Makan Malam Persatuan Pegawai Tadbir dan Iktisas (Pragmatis) di Nilai Springs Resort dan Hotel dekat sini baru-baru ini.

Muhammad Haizuan berkata, persatuan ini yang ditubuhkan secara rasmi melalui Pendaftar Pertubuhan (ROS) adalah wadah men-

gumpul dan merencanakan aktiviti, khusus untuk lapisan pegawai di USIM serta menjaga kebajikan para ahli persatuan.

Justeru itu, penganjuran majlis Makan Malam Pragmatis ini bukan sahaja bertujuan untuk menyambut ulang tahun penubuhannya, pada

masa sama menjadi wadah untuk merapatkan silaturahim sesama ahli persatuan dan pengurusan universiti.